

Pelestarian Gambus: Tradisi Persembahan Kumpulan Gambus di Johor

Mohd Nizam Attan
Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
nizam.a@umk.edu.my

Abstrak

Persembahan muzik gambus di Malaysia banyak didapati dalam bentuk ensemble dan gambus memainkan peranan utama. Keunikan gambus dalam ensemble-ensemble seperti kumpulan gambus, kumpulan samrah, zapin, ghazal dan nasyid menjadikan gambus sebuah alat muzik yang unik dan mewarnai persada muzik tanahair. Penulisan ini bertujuan membentangkan hasil kajian khusus kepada tradisi persembahan kumpulan muzik gambus yang terdapat di negeri Johor. Penulisan ini akan menumpukan kepada persiapan sesebuah kumpulan gambus sebelum memulakan persembahan, ketika membuat persembahan dan selepas selesai sesebuah persembahan. Untuk itu, penulisan ini akan memberi penerangan mengenai tempahan persembahan, peralatan muzik yang digunakan, para pemuzik, penyanyi, latihan-latihan yang dijalankan, pengangkutan, bayaran upah, jenis-jenis lagu, kostum dan tarian yang terdapat pada sesebuah persembahan kumpulan gambus tersebut. Penulisan adalah dalam bentuk deskriptif berdasarkan kajian lapangan. Penulisan ini hanya memberi fokus kepada kumpulan gambus Nurulhilar dari Rengit, Batu Pahat, Johor. Penulisan ini diharapkan dapat membantu pengkaji seterusnya dalam menggali pengetahuan dalam bidang muzik gambus serta membantu pelestariannya.

Kata kunci: Gambus, tradisi persembahan gambus, kumpulan gambus, samrah, muzik sinkretik

Gambus dipercayai berasal daripada alat muzik Arab yang dinamakan Oud, yang bermaksud kayu; ranting atau tangkai mudah lentur; atau juga disebut sebagai sebangkah kayu. Nama gambus yang merujuk kepada Oud terdapat di Gagasan Tanah Melayu yang terdiri daripada Malaysia, Brunei, Indonesia, dan Singapura¹. Jenis gambus yang digunapakai di negeri Johor adalah dari jenis gambus Hadhramaut atau juga dipanggil sebagai gambus Arab². Gambus ini juga merujuk kepada Oud. Kesenian ini dipercayai berasal dari satu kesenian tradisi masyarakat Arab yang dibawa dari Hadhramaut melalui perhubungan para pedagang Arab pada abad ke 19 menerusi Kepulauan Indonesia seperti di Surabaya dan Betawi dan kemudiannya mula berkembang ke Singapura dan Negeri Johor pada awal abad ke 20. Pada sekitar tahun 1920an, terdapat beberapa orang tokoh yang bertanggungjawab memperkenalkan dan mengembangkan seni ini di Singapura. Antaranya ialah Tuan Syed Abdullah Al-Habsyi, Tuan Syed Ali Abdul Rahman Al Syagof dan Husin bin Omar Bakshir. Dalam tahun 1930an, Tuan Syed Abdullah Al-Habsyi seterusnya mengambil inisiatif mengembangkan kesenian Gambus Samrah kepada masyarakat berketurunan Arab di Johor khususnya di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat. Dua orang tokoh Gambus Samrah tempatan Batu Pahat yang pernah aktif suatu ketika dulu dan sehingga ke penghujung tahun 1990an ialah Syed Bakar bin Abdul Rahman dan Syed Hasan bin Al Mahrugah.³ Di Johor, ada dua bentuk persembahan gambus. Pertama adalah persembahan kumpulan gambus yang sering mengadakan persembahan pada majlis perkahwinan orang-orang Melayu. Kedua pula persembahan pada majlis perkahwinan orang-orang Melayu yang berketurunan Arab yang dikenali sebagai persembahan kumpulan gambus samrah.



Rajah 1. Kumpulan Gampus Sedang Mengadakan Persembahan Sekitar Awal Tahun Enam Puluhan

Kumpulan Gampus

Penggunaan kata 'kumpulan gampus' merujuk kepada sekumpulan pemuzik yang bermain muzik bersama-sama dan diketuai oleh seorang pemain gampus dalam mengadakan persembahan. Alat muzik gampus ini dibantu oleh beberapa buah alat muzik yang lain seperti akordion, biola⁴, gendang⁵, bonggo, tamborin, marakas serta marwas⁶. Kumpulan Gampus juga mempunyai penyanyi, pada kebiasaannya penyanyi utama dalam kumpulan gampus adalah pemain gampus itu sendiri.⁷ Selain itu, terdapat juga penyanyi-penyanyi lain yang terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Kumpulan Gampus Nurulhilal

Kumpulan Gampus Nurulhilal ditubuhkan sekitar tahun 1980an dan dipimpin oleh Encik Attan bin Hassan atau dikenali juga dengan panggilan Ustaz Attan. Beliau memang merupakan seorang yang begitu berazam untuk terus maju dalam bidang yang diceburinya. Beliau memperolehi pengalaman bermain gampus ketika bertugas sebagai anggota polis di Singapura pada penghujung tahun 1950an dimana beliau banyak bergaul dengan peniaga Arab yang bermain gampus. Di samping itu, banyak filem-filem dari Mesir ditayangkan di pawagam di Singapura yang menarik minat beliau. Beliau kembali ke kampungnya di Rengit pada tahun 1958 dan membawa bersama-sama kesenian gampus. Di pekan kecil rengit, beliau terkenal sebagai guru lagu-lagu qasidah, nasyid dan lagu-lagu gampus yang gemar berkongsi ilmu dengan masyarakat tempatan. Ini terbukti apabila terdapat beberapa orang pemain gampus telah dilahirkan di daerah Batu Pahat dan Pontian merupakan hasil didikan beliau. Menurut salah seorang anak didik beliau, Encik Bachok Sayuti⁸, Encik Attan bukan hanya sebagai guru gampus, malah telah dianggap sebagai bapa angkat beliau memandangkan jasa dan pengorbanannya dalam mendidik dan memberi ilmu.



Rajah 2. Encik Attan Hassan

Pada penghujung tahun tujuh puluhan, beliau telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan kumpulan gambus Nurulhilal. Para pemuzik dalam kumpulan gambus Nurulhilal ini adalah terdiri daripada Abdul Aziz bin Ruslan, merupakan penyanyi dan pemain alat muzik tamborin. Timat bin Kasban bermain kiuben dan juga sebagai penyanyi. Mahat bin Idris bermain akordion. Zin Attan bermain bonggo. Munif Attan bermain violin dan Farizad Attan bermain marwas. Sesekali kumpulan ini juga disertai oleh Zainuddin Attan yang pulang ke kampung dari Singapura. Zainuddin biasanya akan bermain violin dan gambus.

Penyanyi bagi kumpulan Nurulhilal penyanyi utamanya ialah Attan Hassan. Terdapat dua orang penyanyi wanita bagi kumpulan ini iaitu Hasnah Abdullah dan Anipah Kasbollah. Selain dari itu terdapat juga penyanyi-penyanyi lain yang terdiri daripada pemuzik-pemuzik dari kumpulan gambus Nurulhilal sendiri, di antaranya ialah Abdul Aziz Ruslan dan Timat Kasban. Sesekali jika mendapat undangan dengan kadar bayaran yang 'lebih'⁹, Encik Attan Hassan akan menjemput S. Agil atau nama sebenarnya Syed Abdul Kadir Bin Agil, bekas penyanyi pop 60an, untuk menyanyi bersama-sama kumpulan gambus Nurulhilal.

Tempahan Persembahan

Dalam tempahan persembahan, pada kebiasaannya, pihak penganjur sesebuah majlis itu akan datang sendiri bertemu beliau untuk berunding mengenai penempahan tersebut. Perkara-perkara yang dibincangkan ialah tentang tarikh, masa dan tempat persembahan. Juga dibincangkan ialah mengenai bayaran yang ditetapkan oleh ketua kumpulan gambus itu sendiri¹⁰. Biasanya jika persetujuan di antara kedua-dua belah pihak dicapai, ketua kumpulan akan meminta duit "cengkeram"¹¹ dari pihak penganjur sebagai tanda setuju dan akan menggunakan duit tersebut sebagai wang pendahuluan kepada sewaan alat pembesar suara¹².

Dalam membuat tempahan kumpulan gambus, tidak ada syarat-syarat lain yang dikenakan Kumpulan Gambus Nurulhilal untuk membuat persembahan. Seni muzik gambus yang dipersembahkan oleh kumpulan ini merupakan hiburan semata-mata dan tidak ada pantang larang atau upacara ritual. Pihak penganjur hanya perlu menyediakan wang bayaran¹³ di samping menyediakan makanan tengahari atau makan malam kepada ahli kumpulan ini, bergantung kepada masa persembahan.

Kadar bayaran. Wang bayaran untuk sesebuah persembahan itu berbeza mengikut kemampuan penganjur. Dalam hal ini, Encik Attan akan mengenakan bayaran dari serendah tiga ratus ringgit sehingga ke seribu dua ratus ringgit. Jadual 1 menunjukkan jadual kadar bayaran yang dikenakan oleh kumpulan gambus Nurulhilal untuk sesebuah persembahan. Kadar bayaran yang dikenakan tertakluk kepada kos pengangkutan dan sewa alat pembesar

suara. Adakalanya juga penganjur akan meminta kumpulan gambus Nurulhilar menyediakan sendiri alat pembesar suara untuk tujuan persembahan dan untuk tujuan-tujuan lain bagi majlis tersebut.

Jadual 1. Agihan Bayaran Pemuzik dan Penyanyi

Majlis Perkahwinan (sebelah siang sahaja)	Majlis Perkahwinan (sebelah malam sahaja)	Majlis Perkahwinan (sebelah siang dan sebelah malam)	Majlis Rasmi (Siang hari selama satu hingg dua jam)	Lain-lain majlis
RM 300- RM400	RM300-RM500	RM500-RM1200	RM350-RM500	RM300 ke atas

Bagi pemuzik dan penyanyi dalam kumpulan gambus Nurulhilar ini, ketua akan mengambil kira berapakah bayaran gaji yang diterima oleh pemuzik-pemuzik beliau dalam pekerjaan mereka masing-masing. Sebagai contoh, jika seorang pemuzik 'A' bekerja sebagai pekebun kelapa dengan pendapatan sebanyak RM15 hingga RM30 sehari, Ketua kumpulan akan membayar lebih sedikit dari jumlah bayaran tersebut, dalam jumlah RM20 atau RM35. Jika pemuzik itu datang dari tempat yang agak jauh, Ketua kumpulan akan mengambil kira kos pengangkutan di samping bayaran yang setimpal dengan kerja yang dilakukan. Table 2 di bawah menunjukkan agihan bayaran yang diterima oleh ahli dalam Kumpulan Gambus Nurulhilar. Bayaran ini berdasarkan kajian terhadap persembahan di majlis perkahwinan di sebelah malam.

Jadual 2

Agihan Bayaran Kepada Ahli Kumpulan Gambus Nurulhilar

Posisi	Bayaran (RM)	Sebab Bayaran	Jumlah
Penyanyi	RM50	Asas	RM50
Pemain Gambus	RM20 + RM50 + RM100	Asas bayaran RM20, sebagai penyanyi RM50, dan sebagai pengurus RM100	RM170
Pemain Akordion	RM20 + RM50	Asas bayaran RM20, dan kos pengangkutan RM50	RM70
Pemain Biola	RM20 + RM50	Asas bayaran RM20, dan kos pengangkutan RM50	RM70
Pemain Bonggo	RM20-RM35	Asas	RM20
Pemain Gendang	RM20-RM35	Asas	RM20
Pemain Tamborin	RM20-RM35	Asas	RM20
Pemain Marakas	RM20-RM35	Asas	RM20
Pemain Marwas	RM20-RM35	Asas	RM20
		JUMLAH	RM460

Latihan-latihan Kumpulan Gambus

Sebelum sesuatu persembahan gambus diadakan, ketua kumpulan akan menetapkan masa untuk kumpulan gambus bertemu dan mengadakan latihan bersama. Kumpulan gambus Nurulhilar lazimnya akan mengadakan dua atau tiga kali latihan dalam masa seminggu sebelum tarikh persembahan yang dijanjikan. Latihan biasanya diadakan pada waktu malam iaitu selepas waktu sembahyang fardhu¹⁴ Isyak sehingga ke tengah malam.¹⁵



Rajah 3. Kumpulan Gambus Nurulhilal Sedang Mengadakan Latihan

Latihan diadakan untuk memantapkan lagi persembahan di samping mencuba lagu-lagu baru untuk dijadikan sebahagian dari repertoire. Latihan diadakan di rumah pemimpin kumpulan iaitu Encik Attan Hassan. Di samping menjalani latihan, ahli-ahli kumpulan juga dapat bermesra dan mengeratkan silaturahmi di antara mereka. Peralatan muzik biasanya akan disimpan di rumah Encik Attan Hassan dan hanya akan digunakan ketika mengadakan latihan muzik atau pun untuk tujuan persembahan. Boleh dikatakan kesemua ahli-ahli kumpulan gambus Nurulhilal tinggal berdekatan dengan rumah Encik Attan Hassan dan mereka akan datang untuk latihan hanya dengan menunggang basikal atau motorsikal.

Waktu Persembahan Kumpulan Gambus

Persembahan waktu malam

Di kampung, lazimnya persembahan kumpulan gambus adalah pada majlis perkahwinan. Persembahan diadakan di sebelah malam selepas majlis persandingan. Para sahabat dan para tetangga yang telah bergotong royong menyediakan persiapan semenjak sebelum hari persandingan akan datang semula ke rumah pengantin di sebelah malamnya untuk berhibur melepaskan penat lelah dan menonton persembahan ini. Persembahan gambus yang disediakan oleh tuan rumah sebagai penghargaan kepada jiran-jiran yang sudi menyumbangkan tenaga mereka untuk menjayakan majlis tersebut. Persembahan dimulakan selepas waktu solat Isyak bagi menghormati majlis dan menunaikan solat. Dalam majlis-majlis perkahwinan, berkhatan dan majlis khatam Al-Quran, persembahan biasanya diadakan selama lebih kurang tiga jam iaitu lebih kurang pukul 9.00 malam hingga pukul 12 tengah malam.


Dalam majlis perkahwinan pada sekitar tujuh puluhan dan lapan puluhan, terdapat satu ruang khas yang disediakan untuk kegunaan majlis perkahwinan. Biasanya ruang ini dinamakan 'balai'. Balai merupakan tempat yang dibina khas untuk menjamu para tetamu yang hadir pada siang hari persandingan. Balai diperbuat daripada kayu, berlantaikan papan dan berbumbungkan atap nipah ataupun zink. Para tetamu akan menjamu selera di atas balai tersebut secara duduk bersila. Pada malam hari, balai ini digunakan untuk persembahan gambus. Melainkan pemain bonggo dan akordion, pemuzik dalam kumpulan gambus biasanya memainkan alat-alat muzik secara duduk bersila di lantai balai. Mereka duduk

dalam satu lingkungan separa bulatan. Kedudukan mereka ditentukan oleh alat muzik yang mereka mainkan. Persembahan kumpulan gambus Nurulhilal pada malam hari lebih kepada lagu-lagu zapin, sarah, dan irama padang pasir. Ada juga diselitkan lagu-lagu Melayu langgam tertakluk kepada permintaan para hadirin.

Persembahan waktu siang

Persembahan gambus yang diadakan pada waktu siang di antara pukul sebelas pagi hingga empat petang, namun ia bergantung kepada kehendak tuan rumah dalam menetapkan masa persembahan tersebut. Biasanya persembahan yang diadakan beriringan dengan waktu 'jemputan'¹⁶ kenduri tersebut. Persembahan untuk majlis kenduri perkahwinan biasanya diadakan pada hari persandingan 'mempelai'¹⁷ dan bertujuan menghiburkan tetamu yang hadir serta dapat memberi nasihat melalui lagu-lagu yang dipersembahkan. Kebiasaannya, lagu 'Salam Pengantin' akan didendangkan ketika rombongan pengantin lelaki tiba ke rumah pengantin perempuan untuk upacara persandingan.

Persembahan kumpulan gambus bertujuan untuk menghiburkan tetamu-tetamu dan para jemputan ketika mereka menjamu selera. Walau bagaimanapun, persembahan pada siang hari tidak sekerap jika dibandingkan dengan persembahan pada malam hari. Kedudukan pemuzik dan penyanyi dalam persembahan kumpulan gambus pada waktu siang hari adalah berbeza dengan persembahan pada waktu malam. Pada waktu siang, tempat persembahan akan disediakan di bawah bumbung yang dibina khas oleh tuan rumah.



Rajah 4. Pemuzik dan Penari Sedang Membuat Persembahan Di atas 'Balai'

Pakaian Pemuzik

Pada tahun-tahun awal 60an, pemuzik dan penyanyi dalam persembahan gambus memakai baju Melayu yang lengkap bersongkok. Namun kini, kebanyakan pemuzik memakai pakaian yang kemas sama ada berkemeja atau berkemeja T sahaja terutamanya ketika mengadakan persembahan secara tidak formal seperti di majlis-majlis perkahwinan. Pada persembahan-persembahan formal mereka akan memakai pakaian yang sesuai dengan majlis tersebut dan kebanyakannya akan memakai baju Melayu.

Dalam persembahan gambus, alat pembesar suara amat diperlukan kerana gambus merupakan sebuah alat muzik berbunyi lembut (*soft*) berbanding alat-alat muzik lain. Selalunya, kumpulan gambus Nurulhilal akan menggunakan pembesar suara yang disewa dari Encik Sulaiman (juga dikenali sebagai Abang Leman) yang tinggal di Parit Makuaseng, Benut. Jarak di antara rumah Encik Atan dengan rumah Abang Leman ini adalah sejauh sepuluh kilometer. Kadar sewaan alat pembesar suara yang dikenakan oleh Abang Leman adalah di antara RM50 hingga RM120 bergantung kepada masa persembahan. Jika persembahan diadakan pada siang hari dari jam sebelas pagi hingga lima petang, bayaran sewa adalah dalam lingkungan RM50 hingga RM70. Jika persembahan berlanjutan hingga

malam hari, kadar sewa yang dikenakan adalah RM120. Alat pembesar suara yang digunakan pada awalnya ialah dari jenis ‘corong’ yang biasanya dipasang pada bahagian penjuru ‘balai’. Biasanya dua buah corong akan disediakan dengan tiga atau empat mikrofon. Jumlah ini sudah memadai bagi kumpulan gambus kerana hanya penyanyi, pemain gambus, violin dan akordion sahaja yang menggunakan mikrofon ketika persembahan.




Rajah 5. Encik Abdul Aziz bin Ruslan (Berbaju merah)

Alat Pembesar Suara

Posisi ahli kumpulan gambus dalam persembahan

Dalam sesebuah persembahan kumpulan gambus, pemain gambus akan berada di tengah-tengah. Jika persembahan pada malam hari, beberapa pemuzik akan duduk bersila dalam membuat persembahan kecuali pemain akordion dan bonggo. Walaubagaimanapun, kedudukan pemuzik dalam setiap persembahan tidak semestinya sama setiap kali persembahan dijalankan. Ini bergantung kepada kesesuaian ruang persembahan yang disediakan oleh pihak penganjur.

Jadual 3 Posisi pemuzik dalam persembahan kumpulan gambus



- G - Gambus
- V - Violin
- B - Bonggo
- G/K - Gendang atau Kiuben
- T - Tamborin
- A - Akordion

M - Marwas
X X X - Penonton

Jamuan Semasa dan Selepas Persembahan

Pada kebiasaannya pihak tuan rumah akan menyediakan jamuan ringan untuk para tetamu yang hadir. Di antara menu yang biasa disediakan adalah roti potong yang dicicah dengan sup tulang beserta air kopi 'o'¹⁸ atau teh tarik. Jika persembahan persembahan tersebut diadakan di rumah orang Melayu berketurunan Arab, biasanya air kopi 'o' tersebut akan dicampurkan dengan halia. Ini adalah merupakan salah satu tradisi masyarakat Melayu berketurunan Arab di Johor.

Repertoir Kumpulan Gambus Nurulhilal

Persembahan biasa dimulakan dengan lagu-lagu puji-pujian kepada Rasulullah S.A.W seperti lagu Ya-Rasulullah dan Ya Nabi Salam Munalai¹⁹. Lagu-lagu ini akan dinyanyikan oleh penyanyi utama kumpulan gambus yang juga bermain gambus.²⁰ Selain lagu-lagu puji-pujian kepada Rasulullah S.A.W, lagu-lagu lain yang biasanya dipersembahkan adalah lagu-lagu untuk mengiringi tarian sama ada tarian zapin atau pun sarah. Sebelum lagu dimainkan, pemain gambus akan terlebih dahulu memainkan 'taqsim'. Taqsim adalah 'cadenza' lagu sebelum sesebuah lagu sebenar dimain dan dinyanyikan. Taqsim perlu dimainkan dalam nada atau 'maqam' yang sama dengan lagu yang bakal dinyanyikan.



Rajah 6. Kumpulan Gambus Nurulhilal Sedang Mengadakan Persembahan

Dalam persembahan kumpulan gambus Nurulhilal, biasanya pemain gambus akan memainkan taqsim beserta dengan qasidah atau juga disebut sebagai Yalil. Lagu-lagu puji-pujian ini akan disambut beramai-ramai oleh ahli kumpulan gambus untuk lebih memeriahkan suasana. Sebenarnya lagu-lagu puji-pujian ini mempunyai lirik yang mudah diikuti dan dihafal. Sebagai contoh lagu Ya Nabi Salamun Alaik memang terdapat dalam puji-pujian kepada nabi Muhammad S.A.W yang biasa dinyanyikan ketika sambutan Maulidur Rasul. Selain dari lagu-lagu yang mempunyai lirik dalam bahasa Arab, terdapat juga lagu-lagu yang dinyanyikan dalam bahasa Melayu. Kebanyakan dari lagu-lagu tersebut mengandungi unsur-unsur nasihat dan pedoman ke jalan kebenaran. Sebagai contoh lagu yang berjudul 'Pesanan', 'Wanita Santri', 'Pujilah' dan sebagainya.

Lagu-lagu Melayu yang berunsurkan nasihat dan ketuhanan ini biasa didendangkan pada awal persembahan iaitu ketika penonton-penonton mula membanjiri tempat persembahan. Kebanyakan lagu-lagu berunsur nasihat ini didendangkan dalam bentuk nasyid dan diiringi oleh alat-alat muzik yang ada seperti akordion, gambus, violin, gendang, bongo dan tamborin sahaja. Alat muzik marwas jarang digunakan kerana hanya akan

digunakan ketika memainkan lagu-lagu sarah dan zapin. Lagu-lagu Melayu ini diibaratkan sebagai 'pembuka selera' kepada persembahan sebenar yang dinanti-nantikan.



Rajah 7. Kumpulan Gambus Nurulhilal Sedang Mengiringi Tarian zapin

Lagu-lagu zapin dan sarah memang amat digemari oleh masyarakat tempatan pada tahun-tahun 1975 hingga awal 1980an. Ini kerana sebilangan besar penonton menunggu untuk memperlihatkan tarian mereka bagi lagu-lagu tersebut. Bagi lagu zapin terdapat empat orang penari akan terlebih dahulu duduk sambil menunggu dengan penuh²¹ 'asyik' ketika pemain gambus melakukan 'taqsim'. Ketika pemain gambus melakukan taqsim, pemain violin akan memainkan satu not secara panjang bagi mengiringi taqsim tersebut. Sebagai contoh jika pemain gambus melakukan taqsim di dalam maqam bayati²², pemain violin akan memainkan not 'D' secara panjang sehingga pemain gambus selesai melakukan taqsim. Setelah pemain gambus selesai melakukan taqsim, pemain violin pula akan menyambung taqsim tersebut dalam mode yang sama. Ini akan membangkitkan 'rasa' bagi lagu yang bakal dimainkan. Setelah selesai taqsim, pemain gambus akan terus membuat petikan untuk memulakan lagu.

Perubahan dan Pengaruh Muzik Luar Dalam Persembahan Kumpulan Gambus

Lagu-lagu yang dipersembahkan oleh Kumpulan Gambus Nurulhilal adalah mengikut selera penduduk setempat. Lagu-lagu gambus, memberi banyak impak kepada masyarakat di Batu Pahat, Muar dan Pontian. Lagu-lagu seperti *Air Mata Hati*, *Bunga Hati*, *Dia Datang*, *Pesanan*, *Selamat Pengantin Baru*, *Ya Naam Sidi* amat diminati oleh penduduk setempat, terutamanya pada tahun 1960an hingga akhir tahun 1980an. Gambus, yang mempunyai pengaruh unsur Arab, diminati kerana lebih bercorak "keagamaan" dan boleh diterima oleh pendengar di kalangan orang-orang Melayu²³. Bentuk muzik yang amat digemari oleh masyarakat setempat pada tahun-tahun enam puluhan adalah pelbagai. Di kawasan-kawasan bandar seperti Batu Pahat dan Muar, masyarakat lebih terdedah kepada sumber hiburan dari *live band* seperti D'Fiction, The Wisma dan beberapa nama lain. Namun, masyarakat di luar bandar seperti di kawasan-kawasan pekan kecil dan di kampung-kampung lebih terdedah kepada kesenian tradisi seperti wayang kulit Jawa, Barongan, Ketoprak, Kuda Kepang dan Kumpulan Gambus²⁴.



Rajah 8. Kumpulan Gambus Nurulhilal Mengiringi Nyanyian

Gambus yang juga menjadi alat muzik utama dalam persembahan zapin Melayu, (Anis,1993), juga menjadi alat muzik utama dalam ensemble kumpulan gambus di sekitar daerah Batu Pahat. Ensemble kumpulan gambus juga banyak memainkan lagu-lagu hiburan, keagamaan, patriotik, nasihat dan lagu-lagu saduran dari luar seperti lagu-lagu Arab dan Hindustan.²⁵ Namun, kumpulan gambus juga telah mengalami perubahan dari sudut lagu-lagu yang dipersembahkan. Faktor perubahan minat dalam kalangan masyarakat mendorong kumpulan gambus Nurulhilal juga menambah koleksi lagu-lagunya dan tidak lagi terikat hanya kepada lagu-lagu lama. Kecenderungan pemuzik dan penyanyi untuk menyanyikan lagu-lagu baru adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Di antaranya ialah terdapat banyak penjualan kaset-kaset²⁶ yang mengandungi lagu-lagu berunsurkan naysid, qasidah moden, dangdut, dan Hindustan, kebanyakannya datang dari Indonesia dan India.

Lagu-lagu Arab dari Mesir

Wan Abdul Kadir (1988:94), mengatakan bahawa aliran muzik Melayu yang menerima pengaruh dari Asia barat ialah gambus, zapin dan ghazal. Di Malaysia, lagu-lagu gambus lebih menjurus kepada unsur-unsur keislaman, dakwah dan bersifat ketuhanan. Ini adalah kerana, alat muzik gambus itu sendiri berasal dari negara timur tengah dan individu yang mempelajari muzik gambus itu juga mempelajari lagu-lagu Arab dan lagu-lagu Melayu yang menggunakan maqam-maqam Arab. Walaupun lagu-lagu yang dinyanyikan dalam bahasa Arab itu tidak mengandungi unsur ketuhanan, namun, irama Arab tetap dikaitkan dengan unsur tersebut. Namun begitu apabila masa berubah, jenis-jenis lagu yang dipersembahkan oleh kumpulan gambus Nurulhilal ini juga berubah. Unsur-unsur muzik dari luar telah mula mempengaruhi jenis-jenis lagu yang dipersembahkan oleh kumpulan ini. Lagu-lagu dari nyanyian artis terkenal Mesir seperti Umi Kalthoum, Muhamad Abdul Wahab, Firuz dan Farid El Atrache, banyak mempengaruhi repertoire lagu-lagu kumpulan gambus Nurulhilal.



Rajah 9. Kumpulan Gambus Nurulhilal sedang mempersembahkan lagu bertema nasihat

Lagu-lagu Orkes Gambus, Dang Dut dan Qasidah Moden

Perkembangan muzik di Indonesia juga amat penting dalam mempengaruhi perkembangan muzik Melayu seperti muzik langgam dan dang dut. Pada pertengahan tahun lapan puluhan, iaitu ketika kemunculan banyak kumpulan-kumpulan dang dut dari Indonesia, kumpulan gambus Nurulhilal juga mengalami perubahan dari segi jenis lagu-lagu yang dipersembahkan. Banyak lagu-lagu dari Indonesia dendangan penyanyi seperti Elvy Sukaesih, Rhoma Irama, A. Rafiq dan ramai lagi (sekadar menyebut tiga nama paling popular), telah menjadi sebahagian dari lagu-lagu yang dipersembahkan pada setiap persembahan kumpulan gambus ini. Lagu-lagu seperti *Penari India*, *Jangan Samakan*, telah menjadi kegemaran masyarakat terutamanya masyarakat di luar bandar.

Peralatan muzik juga telah dilakukan pengubahsuaian di mana alat muzik bonggo, telah dijadikan seperti bunyi 'tabla' untuk memainkan lagu-lagu dang dut. Perubahan ini telah sedikit sebanyak 'menggangu' tema lagu-lagu gambus. Masyarakat setempat begitu meminati unsur muzik dang dut dari Indonesia dan mahu kumpulan gambus juga memainkan lagu-lagu tersebut. Oleh yang demikian, untuk memenuhi cita rasa masyarakat, Kumpulan gambus Nurulhilal juga memainkan lagu-lagu dang dut di samping lagu-lagu yang sedia ada.

Boleh dikatakan kumpulan gambus di Johor mempunyai persamaan dengan orkes gambus yang terdapat di Indonesia. Di Indonesia, pada awal tahun lapan puluhan, banyak orkes gambus telah muncul dengan album-album yang bercorak samrah, nasyid dan qasidah moden.²⁷ Di antara album yang mendapat tempat di hati peminat dan masyarakat tempatan terutamanya di Johor pada ketika itu ialah Orkes Gambus Awara, Orkes Gambus Al Fata dan nyanyian Qasidah Moden oleh Rofiqoh Dharto Wahab, A Rafiq dan beberapa penyanyi lain. Pengaruh lagu-lagu orkes gambus dan qasidah moden juga menyebabkan lagu-lagu tersebut diminati oleh masyarakat setempat dan juga dipersembahkan oleh kumpulan gambus Nurulhilal.

Lagu-lagu Hindustan

Wan Abdul Kadir (1988:91) mengatakan bahawa pengaruh muzik Hindustan dalam perkembangan muzik Melayu meluas, kemudian menjadi popular, sehingga penyanyi-penyanyi Hindustan menjadi bintang pujaan ramai. Fenomena ini juga telah lama menyerap dalam persembahan kumpulan gambus Nurulhilal. Lagu-lagu Hindustan dari filem-filem terkenal sekitar tahun lima puluhan sering menjadi permintaan di kalangan masyarakat pada setiap kali persembahan kumpulan gambus ini. Di antara lagu-lagu yang menjadi kesukaan

ramai pada waktu itu ialah *Main Syaer To Nahiin*, *Bol Radha Bol*, *Hardil Jo Pyar Karega* dari filem *Bobby* dan *Sangam*. Penyanyi terpaksa menyanyi lagu-lagu tersebut walaupun tidak memahami akan maksud lagu itu. Dalam pada masa yang sama, para pemuzik juga perlu berlatih untuk mendapatkan iringan muzik bagi lagu-lagu tersebut.

Lagu-lagu Pop 60an

Kemunculan semula penyanyi-penyanyi pop enam puluhan pada pertengahan tahun 1985 telah benar-benar mengembalikan zaman kegemilangan irama tersebut. Ini adalah hasil dari Konsert Penyanyi Tahun 60an yang diadakan di stadium negara, Kuala Lumpur. Selepas itu, banyak syarikat-syarikat rakaman yang menghasilkan album bercorak pop 60an. Di antaranya seperti The Zurah II dan Kompilasi Lagu-lagu Pop 60an yang menggabungkan penyanyi-penyanyi seperti Jeffri Din, S. Jibeng, A. Rahman Hassan, dan banyak lagi (sekadar memberikan beberapa nama).

Fenomena ini juga telah menyebabkan peminat muzik tempatan mendapat satu sumber baru dalam mencari bahan hiburan (lagu). Setiap kali persembahan kumpulan gambus Nurulhilal, pasti ada permintaan untuk memainkan lagu-lagu pop enam puluhan. Walaupun, dengan menggunakan peralatan kumpulan muzik gambus, kumpulan ini mampu untuk memenuhi permintaan ramai dalam mempersembahkan lagu-lagu berirama 60an ini.

Lagu-lagu Dang Dut Ala-Malaysia

Komposer muzik tempatan juga merasa bahang kehadiran lagu-lagu dang dut dari negara jiran. Pada pertengahan tahun lapan puluhan, munculah beberapa buah album yang berkonsepkan dang dut ala Malaysia. Di antara penyanyi-penyanyi yang melahirkan album ialah seperti Herman Tino, Zaleha Hamid dan Ramlah Ram. Lagu-lagu seperti *Selamat Jalan Romeo*, *Maharani* dan beberapa lagu-lagu lagi sering diputarkan di corong-corong radio. Masyarakat juga meminati lagu-lagu ini dan kumpulan gambus Nurulhilal juga tidak ketinggalan untuk memasukkan lagu-lagu dang dut ala Malaysia ini sebagai lagu-lagu dalam senarai persembahan mereka.

Nota Kaki

¹ Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (2012), *Oud: Warisan Seni Dari Timur Tengah*. Institut Terjemahan dan Buku Negara, Kuala Lumpur.

² Mohd Nizam Attan (2013), *Gambus: Sejarah, Instrumentasi dan gaya permainan di Johor*. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kuala Lumpur. ms 29.

³ Dipetik dari Gambus Samrah, terbitan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Johor, 1999.

⁴ Dalam kumpulan gambus, 'biola' yang dimaksudkan di sini merujuk kepada alat muzik violin.

⁵ Gendang yang digunakan dalam kumpulan gambus juga dikenali sebagai 'dup' atau 'kiuben'.

⁶ Penggunaan alat muzik marwas adalah bergantung kepada keadaan, jika persembahan diadakan pada sebelah malam, maka marwas digunakan untuk memainkan lagu-lagu zapin dan sarah. Marwas jarang digunakan pada persembahan pada sebelah siang hari.

⁷ Temubual dengan Abdul Aziz bin Ruslan, di Kampung Sungai Dulang, Rengit, Batu Pahat, Johor pada 27 Ogos 2013.

⁸ Temuramah dengan Encik Bachok Sayuti, di Benut, Pontian, Johor pada 12 Januari 2014.

⁹ Bayaran yang lebih yang bermaksud kadar bayaran yang dipersetujui tinggi dan dapat menampung upah untuk membayar penyanyi dan pemuzik jemputan.

¹⁰ Jumlah bayaran untuk sesuatu persembahan bergantung kepada berapa lama persembahan, jarak tempat persembahan dan persetujuan pihak penganjur mengenai jumlah yang diberikan oleh Encik Attan.

¹¹ "cengkeram" adalah perkataan yang digunakan oleh Encik Attan Hassan sebagai maksud duit deposit untuk penempatan bagi persembahan kumpulan gambus Nurulhilal.

¹² Oleh kerana kumpulan gambus Nurulhilal tidak ada kemudahan pembesar suara, kumpulan ini akan menggunakan pembesar suara yang disewa dari pihak lain. Tempahan awal untuk menggunakan pembesar suara ini perlu kerana ada kemungkinan ianya akan disewa oleh pihak lain.

¹³ Wang bayaran ini merupakan upah kepada penat lelah ahli kumpulan gambus Nurulhilal untuk mengadakan persembahan dan menghiburkan para tamu majlis. Di samping itu juga wang bayaran itu juga digunakan untuk bayaran sewa sistem pembesar suara dan pengangkutan.

¹⁴ Persembahan kumpulan gambus biasanya akan berhenti seketika bagi menghormati waktu solat fardhu. Di kawasan kampung di negeri Johor, terdapat banyak surau-surau dan masjid yang berdekatan, jadi, azan pasti akan kedengaran setiap kali masuknya waktu solat.

¹⁴ Temubual dengan Encik Abdul Aziz Ruslan di Kampung Sungai Dulang, Rengit, Batu Pahat, Johor pada 27 Ogos 2013.

¹⁵ 'Jemputan' bermaksud waktu untuk tamu hadir untuk menjamu selera dan meraikan majlis yang dihadiri.

¹⁶ 'mempelai' merujuk kepada kedua-dua orang pengantin yang diraikan.

¹⁷ Kopi 'o' merujuk kepada air kopi panas tanpa bercampur susu.

¹⁸ Sebelum lagu-lagu ini dinyanyikan, 'Taqsim' akan dimainkan oleh alat muzik gambus dan violin.

¹⁹ Bagi kumpulan gambus Nurulhilal, Encik Attan Hassan merupakan ketua kumpulan, pemain gambus serta penyanyi utama bagi kumpulan gambus ini.

²⁰ Penari bagi lagu-lagu zapin ini biasanya terdiri dari penonton yang hadir. Mereka akan mendengar dengan penuh khusyuk petikan gambus ketika melakukan taqsim.

²¹ Not pertama dalam maqam Bayati ialah 'D', jadi, ketika pemain gambus melakukan taqsim, pemain violin akan bermain not 'D' sebagai latar belakang kepada taqsim tersebut. Selepas gambus selesai taqsim, pemain violin pula akan melakukan taqsim sambil pemain gambus pula akan memainkan not 'D' secara satu-satu sebagai latar belakang kepada taqsim violin tadi.

²³ Bunyi gambus itu sendiri sering di kaitkan dengan unsur-unsur 'agama Islam', sebagai contoh, di radio sebelum azan berkumandang, akan disiarkan bunyi petikan gambus. Begitu juga setiap kali menjelang bulan Ramadan, lagu-lagu berirama gambus akan kerap disiarkan di corong-corong radio.

²⁴ Temubual dengan Abdul Aziz Ruslan, 27 Ogos 2013 di Rengit, Batu Pahat, Johor.

²⁵ Menurut Abdul Aziz Ruslan, lagu-lagu yang biasa dipersembahkan oleh kumpulan gambus Nurulhilal merangkumi lagu-lagu popular semasa sama ada bercorak nasyid, zapin, sarah, joget, dangdut dan lagu-lagu Arab dan Hindustan. Abdul Aziz Ruslan merupakan penyanyi tetap bagi kumpulan gambus Nurulhilal dari awal penubuhannya pada tahun 1976 sehingga pertengahan tahun 1996.

²⁶ Pada era tahun lapan puluhan, hampir kesemua penerbitan album nyanyian adalah dalam bentuk pita kaset sebelum digantikan dengan teknologi cakera padat pada penghujung tahun lapan puluhan dan awal Sembilan puluhan.

²⁷ Qasidah moden bermaksud nyanyian qasidah yang diiringi oleh ensembel muzik. Walaupun lagu-lagunya berunsurkan qasidah, namun penyampaianya lebih bercorak kontemporari.

Rujukan:

- Mohd Anis, Md. Nor. (1993). *Zapin, folk dance of the malay world*. New York: Oxford University Press.
- Mohd Nizam, A. (2013). *Gambus: Sejarah, instrumentasi dan gaya persembahan di johor*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Johor. (1999). *Gambus samrah*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan
- Raja Zulkarnain, R. M13). *Oud: Warisan seni dari timur tengah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Wan Abdul, K. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat melayu bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nizam, A. & Mohd Azam, S. (2012). *Analisis dan pendokumentasian lagu-lagu gambus Johor*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Nizam, A. (2012). Gambus: Tinjauan awal berasaskan gaya permainan gambus di Johor. *Malaysian Music Jurnal 1 (2)* ISSN 2232-1020. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Nizam, A. (1989). *Peranan elemen-elemen muzik vocal dan instrumental timur tengah dalam penentuan lagu-lagu (Kajian kes: Rengit, Batu Pahat)*. Tesis sarjana muda, Institut Teknologi MARA.

Proceedings of the 1st International Music and Performing Arts Conference (IMPAC2014)
19-21 November 2014
Faculty of Music and Performing Arts, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Biografi Penulis

MOHD NIZAM ATTAN was born in Batu Pahat, Johor, Malaysia, Mohd Nizam Attan obtained a Bachelor of Music from UiTM in 1990 and M.Sc in Music Information Technology from City University, London. He began teaching music at UiTM and UKM and several schools in the Gombak district from 1990 to 1992. He then served as a musician at the PETRONAS Arts Group in 1992-1994. In 1994 he served as an Assistant Director of the National Arts Academy for Music Department. In 1996, he became a lecturer in the School of Arts, UMS until 2010. He joined the Faculty of Music and Performing Arts, UPSI in June 2010, and was appointed as the Head of Music Department until June 2014. In September 2014, he became a Senior Lecturer at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan. Mohd Nizam Attan is currently pursuing his Ph.D in Ethnomusicology at Universiti Pendidikan Sultan Idris.
